

# Ranking: Universiti tidak wajar ambil jalan pintas

**PULAU PINANG 27 Sept.** - Universiti tempatan tidak wajar mengambil jalan pintas semata-mata untuk mendapatkan ranking lebih baik dalam Kedudukan Universiti Terbaik Dunia yang diselia Quacquerelli Symonds (QS) pada masa hadapan.

Dekan Pusat Pengajian Pengu-  
rusan, Universiti Sains Malaysia  
(USM), Prof. Fauziah Md. Taib  
berkata, ini kerana terdapat univer-  
siti yang sanggup berbelanja besar  
bagi memenuhi enam kriteria ut-  
ma penilaian yang ditetapkan QS.

Menurut beliau, terdapat univer-  
siti mengupah pensyarah dari  
luar negara dan membayar gaji  
lebih rendah semata-mata me-  
penuhi kriteria nisbah pensyarah  
antarabangsa sedangkan kualiti  
yang dimiliki pensyarah tempa-  
tan jauh lebih baik.

“Perbelanjaan besar juga ter-

paksa dikeluarkan untuk mem-  
buat pemasaran, malah ada juga  
universiti-universiti yang mula  
mengurangkan pengambilan  
pelajar pasca siswazah.

“Persoalannya adakah ini  
sesuatu yang bagus untuk bidang  
pendidikan negara dalam jangka  
masa panjang?” katanya.

Beliau berkata demikian ke-  
tika berkongsi pandangan dalam  
Program Advokasi Ilmuwan, Ran-  
king Universiti Malaysia: Adakah  
Relevan anjuran Majlis Profesor  
Negara (MPN) dengan kerjasama  
*Utusan Malaysia*, USM dan Radio  
Televisyen Malaysia (RTM) di sini  
hari ini.

Program yang diacarakan Shu-  
haimi Mohamed dari RTM itu  
turut disertai Pensyarah Pusat  
Pengajian Sains Kimia USM, Prof.  
Datuk Dr. Omar Shakataly dan  
Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ram-

lan (UPM).

Yang turut hadir Ketua Pega-  
wai Eksekutif (CEO) MPN, Prof.  
Datuk Dr. Raduan Che Rose dan  
Penolong Ketua Pengarang Kum-  
pulan Utusan, Datuk Hassan  
Mohd. Noor.

Sementara itu Mohd. Fauzi  
berkata, kejayaan UPM melonjak  
61 anak tangga dalam ranking QS  
adalah disebabkan komitmen uni-  
versiti berkenaan memenuhi enam  
kriteria yang ditetapkan, selain  
pada masa sama membawa kualiti  
pendidikan negara ke tahap yang  
diiktiraf badan antarabangsa.

“Ada banyak penilaian ber-  
hubung ranking, bukan sahaja  
oleh QS dan garis panduan ini dit-  
erima oleh masyarakat global dan  
itu yang UPM lakukan, namun  
pada masa sama, tujuan asal pe-  
nubuhan universiti tidak diabai-  
kan,” katanya.



**RADUAN CHE ROSE** (empat dari kiri) bersama ahli panel (dari kanan) Fauziah Md. Taib, Omar Shakataly dan Mohd. Fauzi Ramlan serta Hassan Mohd. Noor (dua dari kiri) dalam Program Advokasi Ilmuwan, Ranking Universiti Malaysia: Adakah Relevan anjuran Majlis Profesor Negara dengan kerjasama *Utusan Malaysia*, USM dan RTM di Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/AZMAN ASMAYATIM